



30 DEC, 2021

## MARDI rangkul dua anugerah



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# MARDI rangkul dua anugerah

DUA anugerah yang dirangkul oleh MARDI iaitu *Laboratory Excellence Award* dan *IKM Outstanding Young Chemist Award 2021* (Industri) mendorong kepercayaan dan keyakinan lebih ramai pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan analisis di MARDILab.

Dr. Mohamad Zabawi berkata, julung kali mendapat pengiktirafan di peringkat nasional membuktikan MARDI mempunyai makmal dan ahli kimia terbaik dalam menjalankan analisis. "Apabila memenangi anugerah, sudah pasti kami mahu meningkatkan jumlah pelanggan. Kami akan meneruskan mempromosi perkhidmatan kepada syarikat dan usahawan-usahawan untuk menyakinkan mereka bahawa MARDI mempunyai kepakaran yang setaraf dan diiktiraf.

"Dalam masa sama, kami juga akan meningkatkan kualiti kerja dan kemahiran dalam kalangan ahli kimia," katanya.

Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Dr. Khalisanni Khalid yang menerima Anugerah Ahli Kimia Muda Cemerlang 2021 (Industri) dinilai atas pencapaianannya yang merangkumi projek berinovatif, kaedah ujian baharu, sistem baharu atau lain-lain pencapaian yang berkaitan bidang kimia.

Beliau yang berkepakaran dalam bidang kimia fizikal organik, teknologi surfaktan dan nanoteknologi berkata, anugerah yang diterimanya membuktikan analisis dan perkhidmatan MARDI adalah setaraf, sama dan lebih baik berbanding di luar.

"Anugerah ini dapat membuktikan kepakaran-kepakaran kimia yang ada di MARDI sekarang setanding dengan yang ada di luar sana.

"Saya juga berharap ini adalah platform terbaik untuk MARDI lebih berkembang pada masa depan," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau turut terlibat dalam Sains Outlook Edisi Khas 2020 oleh Akademi Sains Malaysia, Fasilitator bagi Keutamaan Hala Tuju Sains dan Penyelidikan Negara 2021-2025 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), ahli kumpulan kerja teknikal bagi Dasar dan Strategi Nanoteknologi Kebangsaan (NNPS) 2021-2030 serta Dasar Bioteknologi Kebangsaan 2.0.

Antara hasil kajian dan produk oleh Khalisanni adalah penghasilan dan pengubahsuaian bahan nano serta teknologi pemprosesan burger cendawan tiram kelabu.



DR. MOHAMAD ZABAWI melawat kemudahan yang terdapat di MARDILab di Serdang, Selangor. - UTUSAN/SYAWAL ROSLI



30 DEC, 2021

## MARDI rangkul dua anugerah

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

DUA anugerah yang dirangkul oleh MARDI iaitu Laboratory Excellence Award dan IKM Outstanding Young Chemist Award 2021 (Industri) mendorong kepercayaan dan keyakinan lebih ramai pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan analisis di MARDILab. Dr. Mohamad Zabawi berkata, julung kali mendapat pengiktirafan di peringkat nasional membuktikan MARDI mempunyai makmal dan ahli kimia terbaik dalam menjalankan analisis."Apabila memenangi anugerah, sudah pasti kami muh meningkatkan jumlah pelanggan.